

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI PANGLIMA WILFRED
MADIUS TANGAU [TUARAN]**

TARIKH : 10 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu yang baru akan dibina.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (LTAKK) sedia ada direkabentuk untuk menampung pengendalian 9 juta penumpang setahun (mppa). Jumlah penumpang yang telah dikendalikan pada tahun 2018 di LTAKK telah mencapai sebanyak 8.6 juta penumpang iaitu hampir 95% daripada kapasiti sedia ada. Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) sebelum dari ini telah mengunjurkan kapasiti LTAKK akan mencapai had kapasiti maksimum pada tahun 2021.
2. Mengikut Pelan Induk Lapangan Terbang 2008 (National Airport Masterplan), LTAKK di lokasi sediaada boleh menampung kapasiti maksimum sehingga 18 mppa yang dijangka akan mencapai had kapasiti maksimum tersebut pada tahun 2031.

NO. SOALAN : 9

3. Pada ketika ini, Kerajaan tidak mempunyai sebarang perancangan untuk membina LTAKK yang baharu mengambil kira pelaburan sebanyak RM1.6 billion pada tahun 2006 yang telah dilaburkan oleh Kerajaan untuk menaiktaraf lapangan terbang tersebut.
4. Kerajaan mempunyai perancangan untuk menaiktaraf LTAKK sedia ada bagi meningkatkan lagi kapasiti sedia ada bagi menampung perkembangan industri penerbangan. Bagi melaksanakan projek menaiktaraf tersebut, Kerajaan perlu membuat proses pengambilalihan tanah milik Kerajaan Negeri Sabah.
5. Bagi memperincikan perancangan naik taraf tersebut, satu Kajian Pelan Induk mengenai pembesaran LTAKK sedang dijalankan oleh Malaysia Airports Holdings Berhad mulai bulan Ogos 2019. Kajian tersebut akan mengambil masa selama 7 bulan dan dijangka siap pada suku pertama tahun 2020.
6. Kementerian Pengangkutan telah menerima laporan hasil Kajian Pelan Induk untuk Hub Penerbangan Dan Logistik Fret Udara di Sabah yang dilaksanakan oleh Sabah Economic Development and Investment Authority (SEDIA). Dapatan kajian tersebut akan diambil kira bagi sebarang perancangan pembangunan LTAKK di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.